

Rabu

18 Oktober 2023

3 Rabiulakhir 1445H

Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin



2 Keputusan pelabur tarik diri merugikan rakyat

3 4 Rumah Perantaraan ketiga sudah beroperasi

Kerjasama Korea Selatan-Sabah diperkasa lebih meluas

EMPAT NILAI SISTEM PENYAMPAIAN

● Rakyat layak terima perkhidmatan awam terbaik, kata Safar

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Rakyat layak menerima perkhidmatan awam terbaik hasil daripada tadbir urus yang telus, adil serta menyeluruh. Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Panglima Safar Untong berkata, dalam memenuhi cita rasa dan keperluan rakyat, ia menuntut pelaksanaan suatu sistem penyampaian berprinsipkan empat nilai utama iaitu empati, responsif, inklusif dan tepat.

Katanya, nilai utama ini perlu dihayati, difahami dan diamalkan dalam penyampaian perkhidmatan awam berteraskan insaniah.

"Dengan meletakkan diri kita sebagai rakyat yang mengharapkan suatu perkhidmatan terbaik, kita sedar keperluan untuk memberikan perkhidmatan dengan jiwa yang ikhlas tanpa mengharapkan balasan.

"Justeru, tatakelola dalam perkhidmatan awam harus terus diperkasakan dalam memastikan sistem penyampaian berjiwa rakyat dapat diterapkan di segenap lapisan perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan



KONVENSYEN: Sebahagian delegasi yang menyertai Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah 2023.

Antirasuah (KITA) 2023 di sini semalam.

Safar berkata, Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional perlu dilihat sebagai satu agenda kerajaan dalam mengukuhkan lagi sistem penyampaian berkesan.

Menurutnya, Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti yang diperkenalkan kerajaan adalah panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti baik dalam sektor awam mahupun swasta.

Sehubungan itu katanya, penambahbaikan pelbagai aspek perundangan dan penguatkuasaan akan dapat mengukuhkan jati diri dan akhlak khususnya kepada penjawat awam

dan amnya kepada seluruh warganegara.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan KITA 2023 berjaya mewujudkan satu jaringan kerja yang baik antara pelbagai agensi seluruh Malaysia.

"Saya berharap jaringan yang baik ini akan berterusan dan segala pengalaman, ilmu pengetahuan, inspirasi, serta budaya kerja berprestasi tinggi yang diperoleh sepanjang program KITA ini dapat memantapkan lagi pengurusan governans, integriti dan antirasuah (GIA) dalam perkhidmatan awam khususnya di Sabah.



▶ Lihat Muka 2

UCAPAN: Safar ketika menyampaikan ucapan sempena majlis penutupan KITA 2023.